



BANTUAN...penyelamat antarabangsa bertungkus-lumus menyelamatkan mangsa gempa bumi di Haiti, semalam.

Gempa bumi di Haiti

*Harian Metro 19/01/2010
M/S 20*

Keprihatinan dunia diuji lagi

PRESIDEN Amerika Syarikat (AS), Barack Obama memberi jaminan warga Haiti tidak akan dilupakan. Perancis pula menyeru supaya sidang khas diadakan bagi membincangkan usul pembinaan semula negara itu manakala pemimpin dunia pula menjanjikan bantuan.

Gempa bumi yang memusnahkan sebahagian besar wilayah ibu negara Haiti kini menjadi ujian terbesar buat masyarakat antarabangsa mengotakan janji membangunkan semula negara termiskin di hemisfera barat itu.

Namun, bencana yang membunuh puluhan ribu penduduk itu mungkin menyebabkan negara itu bertambah tidak stabil dan lebih miskin, lebih teruk daripada keadaan sebelum ini yang berpunca daripada krisis dalaman, rasuah dan bencana alam lalu.

"Bencana terbaru ini mungkin peluang buat kita

membina semula Haiti yang umpama disumpah dan terus-terusan dilanda musibah," ulas Presiden Perancis, Nicolas Sarkozy.

Sebelum gempa bumi memusnahkan bangunan, daripada rumah buruk hinggalah istana presiden di Port-au-Prince, nasib Haiti sudah mula berubah selepas bertahun-tahun berdepan ancaman taufan dan salah guna kuasa dan kekacauan politik.

Kemusnahan dan jumlah korban yang begitu ramai menyebabkan Obama dan pemimpin dunia mendesak sidang antarabangsa dengan tujuan mengutip derma membangun semula Haiti diadakan. Hingga kini, kerajaan, selebriti dan syarikat korporat menawarkan derma berbilion dolar.

Perancis meminta banknya melupuskan hutang negara itu.

"Saya percaya jika kita bantu mereka yang hidup, kebumikan yang mati, merawat mereka yang cedera dan membersihkan jalan raya Haiti, kita mampu mula kembali," kata bekas Presiden AS, Bill Clinton yang kini menjadi wakil khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Haiti.

Namun, pakar menyatakan, sejarah membuktikan, sebelum ini, janji manis turut

ditabur untuk membantu bekas tanah jajahan Perancis yang diketahui umum sebagai negara termiskin dan paling bermasalah di dunia.

Sejak era diktator berakhir pada 1990, Haiti berdepan pemberontakan, rampasan kuasa, banjir dan taufan, terbaru pada 2004 dan 2008 yang membunuh puluhan ribu penduduknya.

"Pelbagai perkara dijanjikan kepada Haiti. Gempa bumi ini hanya meniadakan

sejak 1804 kekal umpama sebuah kawasan luar bandar dan tidak mementingkan pembangunan kesihatan atau pendidikan. Kira-kira 80 peratus rakyatnya hidup dalam kemiskinan dan Haiti kini tidak memiliki pokok kerana ditebang untuk dijadikan arang. Kurang dua peratus hutan negara itu yang tinggal menyebabkan petani terdedah kepada hakisan, banjir dan tanah runtuh.

"Pelan membangun semula Haiti ketika ia hadapi krisis sebelum ini tidak berjaya. Usaha sebelum ini gagal kerana mereka yang terbabit kecewa dengan sikap warganya dan sikap sambil lewa masyarakat dunia," ulas Dan Erikson daripada Inter-American Dialogue di Washington.

Pada 2004, taufan memusnahkan bandar pinggir pantai, Gonaives, membunuh ratusan penduduk dan menyebabkan rancangan membina bandar terancang diterapkan bagi melindungi penduduk. Namun, penduduk sebaliknya berpindah ke wilayah sama yang sekali lagi dilanda

mi ini hanya meningkatkan lagi masalah dihadapi Haiti, bukan saja untuk tempoh terdekat, tapi untuk sedekad lagi," kata Robert Rotberg dari Universiti Harvard.

Penganalisis pula berkata, berbilion dolar diperlukan untuk membangunkan semula Haiti dan membabitkan kerjasama pelbagai negara dan pemimpin Haiti yang mungkin menjadikan negara Caribbean itu umpama wad hospital antarabangsa.

AS pernah mengambil alih pemerintahan Haiti, terakhir pada 1994. Kira-kira 9,000 tentera pengaman PBB ditempatkan di Haiti selepas Presiden Jean-Bertrand Aristide yang lari meninggalkan negara itu digulingkan pada 2004.

Sebelum bencana ini, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia melupuskan hutang AS\$1.2 bilion (RM4.01 bilion) yang ditanggung Haiti sekali gus memungkinan ia merancang pembangunan jalan raya dan kemasyarakatan.

Namun Haiti yang merdeka

ma yang sekali lagi dilanda taufan pada 2008.

Meskipun masyarakat antarabangsa sedia membantunya, Haiti sendiri perlu berubah, melenyapkan sengketa politik dan rasuah yang mencemarkan usaha membina semula negara itu.

"Persoalan utama ialah apakah warga Haiti mampu bekerjasama membina semula negaranya. Masyarakat dunia tidak mampu merubah mereka dan mereka perlu lakukannya sendiri," tegas bekas duta AS di Haiti, Timothy Carney.

Bagi penduduknya pula, peluang menerima bantuan daripada dunia juga diragui.

"Pemimpin yang sepatutnya membantu kami mendakwa keadaan mereka lebih teruk. Malah, andai bantuan tiba, pemimpin kami mengamalkan rasuah dan tamak. Pastinya, tiada satu pun bantuan yang bakal diperoleh orang miskin. Kami tidak miliki sebarang harapan," kata mangsa gempa bumi, Andres Rosario. - Reuters